

BAHASA MELAYU UJIAN PEMAHAMAN SET 4

Masa :1 jam

<http://tatabahasabm.tripod.com>

Arahan Am: Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C**, dan **D**. Antaranya, ada **satu** sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan yang betul itu. Kemudian pada **kertas** jawapan kamu, hitamkan ruang yang mempunyai huruf yang sama dengan jawapan yang kamu pilih itu.

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kumpulan penguin jenis Chinstrap memilih satu kawasan indah di Antartika sebagai kawasan rehat mereka, iaitu di atas ketulan ais yang terbentuk hasil tiupan bayu sejak berkurun-kurun lamanya.

Chinstrap memiliki satu keistimewaan iaitu mempunyai daya ingatan yang kuat, dengan itu ia dapat mengesan kedudukan sarang lamanya yang kini ditimbuli salji. Penguin betina akan bertelur di tempat yang sama, yang mana di situlah ia bertelur pada tahun sebelumnya.

Apabila tiba musim bertelur, penguin jantan akan mengeram telur yang ditenggelami salji setebal 45 sentimeter, manakala penguin betina akan mencari makanan. Sebelum bertelur, mereka akan mengumpulkan batu-batu kecil sebagai bahan membuat sarangnya.

Spesies penguin yang terbesar, iaitu jenis penguin Emperor, membina sarang merekadi atas cerun yang bertingkattingkat. Penguin jenis ini akan tiba pada setiap bulan Mac di Antartika. Ketika itu awal musim sejuk di kawasan itu.

Selepas mengawan, Emperor betina akan menghasilkan sebiji telur. Telurnya berwarna putih kehijau-hijauan. Kulit telurnya kesat seperti kulit buah oren dan ini memudahkan penguin betina mencengkam serta memusingkan telur itu dengan kakinya. Sebaik sahaja penguin betina bertelur, ia akan menyerahkan telur itu kepada pasangannya yang akan mengeraminya.

Selepas itu, penguin betina akan menyeberangi lautan dan menuju ke utara, manakala penguin jantan mengerami telur itu pada suhu serendah -60 Celsius. Penguin betina akan kembali ke tempat pasangannya dua bulan selepas itu. Ketika itu telurnya telah menetas dan penguin jantan mengalami kekurangan berat badan. Ini kerana sepanjang tempoh pengerman ia terpaksa berpuasa.

Kedua-dua spesies ini berdepan dengan banyak musuh. Singa laut sering mengintai intai peluang untuk menyerang anak penguin. Untuk mengelakkan diri daripada serangan itu, penguin hidup secara berkumpulan. Ini akan mengelirukan musuh utamanya itu daripada menjelaki pergerakan mereka.

Penguin bergerak lambat ketika di darat, sebaliknya lincah serta cekap berenang ketika di air dan mampu melompat ke atas ketulan air.

1 Apakah keistimewaan penguin jenis Chinstrap?

- A** Ia bertelur pada tempat yang sama setiap tahun.
- B** Ia boleh mengesan kedudukan sarangnya.
- C** Penguin jantan yang mengeram telur.
- D** Memiliki daya ingatan yang kuat.

2 Spesies penguin yang paling besar itu bertelur

- A** dalam sarang yang dibina bertingkat-tingkat.
- B** dalam sarang yang dibina di atas cerun yang bertingkat-tingkat.
- C** dalam sarang yang diperbuat daripada ketul-ketul batu.
- D** di atas ketulan air yang juga merupakan kawasan rehat mereka.

3 Mengapa penguin betina jenis Emperor mudah mengubah kedudukan serta memegang telurnya itu?

- A** Kerana bentuk telurnya.
- B** Kerana keadaan telurnya.
- C** Kerana saiz telurnya.
- D** Kerana warna telur itu.

4 Berikut ialah maklumat yang salah tentang penguin Emperor **kecuali**

- A Penguin jenis ini gemar mengembara.
- B Penguin betina bertelur sebiji sahaja.
- C Telurnya akan menetas dalam masa dua bulan.
- D Penguin bergerak lincah di atas darat.

5 Bagaimakah penguin dapat mengelakkan diri daripada serangan musuhnya?

- A Dengan sering mengembara.
- B Dengan hidup secara beramai-ramai.
- C Dengan kebolehan mengelirukan musuhnya.
- D Dengan melompat ke atas ketulan ais.

Soalan 6 hingga Soalan 10

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Harunlah yang mula-mula menyedari bahawa di kaki bukit itu ada sebuah gua. Sebelum ini hutan di kaki Bukit Perah itu kemerahan. Bukan sekali kami masuk ke hutan Bukit Perah itu, tetapi baru kali inilah kami menemui sebuah gua di sebalik rimbunan pokok palas itu. Berhampiran dengan pokok palas itu tumbuh serumpun pokok salak. Harun memanggil kami sebaik sahaja dia nampak gua itu ketika dia sedang mengambil buah salak itu. "Mari kita masuk ke dalamnya," kata saya. "Manakah tahu di dalamnya ada harta karun," sambung saya bergurau.

"Aku takutlah, entah-entah berlingkar ular sawa sebesar batang pinang di dalamnya," balas Harun sambil menjengah ke dalam gua yang kelam itu.

Akhirnya kami mengambil keputusan untuk masuk ke gua itu. Sebelum itu kawasan sekitar pintu gua itu telah kami bersihkan. Ketika itu barulah kami perasan bahawa gua itu tidaklah tertutup rapat. Kami kumpulkan daun-daun salak dan daun-daun palas yang kering, mengikatnya kemas-kemas, lalu kami buat andang.

Perlahan-lahan kami melangkah. Lantai gua itu lekak-lekuk, licin, serta berlumut. Udara di dalamnya dingin. "Berhati-hati Man," kata Harun sambil mengangkat andangnya. Beberapa ekor kelawar yang terkejut berterbang keluar. Harun terkejut dan andang di tangannya terjatuh.

Semakin jauh ke dalam, keadaan gua itu semakin gelap tetapi udaranya pula semakin panas. Kami bergerak dengan bantuan cahaya andang itu. Seekor musang melompat dan meluru keluar. Hampir musang itu melanggar kaki saya. Peluh memercik, bulu romanya tegak. Saya semakin takut. Harun yang berada di belakang menjerit-jerit. Saya menoleh, kelihatan kelibat tubuh Harun. Dia berlari keluar. Terlintas di hati saya seekor harimau sedang tercegat di depan saya, sedia untuk menerkam. Sebelum khayalan saya semakin meliar, saya berlari keluar sambil memanggil Harun. Harun terduduk di tepi pintu gua itu. Mukanya pucat-lesi. "Binatang celaka itu menakutkan saya," katanya lemah.

6 Apakah tujuan mereka ke hutan Bukit Perah?

- A Mencari daun palas
- B Mencari buah salak
- C Mencari gua
- D Mencari harta karun

7 Andang itu gunanya untuk

- A menakutkan kelawar
- B menyuluh jalan
- C membakar serangga
- D mengeringkan daun palas

8 Harun menyuruh kawannya berhati-hati kerana

- A takut andang itu terpadam
- B mungkin ada binatang di situ
- C lantai gua itu dililiti lumut
- D takut tergelincir

9 Bagaimakah keadaan dalam gua itu apabila mereka semakin jauh ke dalamnya?

- A Lantainya kian licin dan berbahaya
- B Gua itu semakin gelap dan udaranya panas
- C Udara di dalam gua itu dingin serta gelap
- D Semakin menakutkan

10 Apakah binatang yang menakutkan Harun?

- A Harimau
- B Kelawar
- C Musang
- D Ular sawa

Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca syarahan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Yang Mulia Tuan Penggerusi Majlis, Guru-guru Besar, guru-guru, barisan para hakim yang arif lagi bijaksana serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Berdirinya saya di atas pentas ini untuk mempertahankan tajuk perbahasan hari ini iaitu "Hidup di rumah kampung lebih baik daripada hidup di rumah pangsa".

Hadirin sekalian,

Rumah kampung biasanya terdapat di kampung-kampung. Ini bermakna suasannya jauh lebih baik daripada rumah pangsa yang banyak terdapat di bandar. Udara di kampung bersih, jauh daripada kebisingan dan kesesakan lalu lintas. Dengan ini penghuni rumah kampung menikmati hidup dengan bahagia.

Oleh sebab rumah pangsa terdapat di bandar-bandar, kita dapat rumahnya bukan sahaja bertingkat-tingkat, malahan setiap rumah ada satu dua bilik yang sempit. Ini menyebabkan penghuninya berasa tidak selesa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Bukan itu sahaja masalah hidup di rumah pangsa. Keadaan menjadi lebih teruk lagi apabila diadakan majlis perkahwinan atau kenduri-kendara. Mereka terpaksa menyewa dewan atau tempat khas yang disediakan di ruangan bawah blok rumah pangsa itu. Sebelum ini, tempat khas itu dijadikan tempat meletak kereta.

Sebaliknya keadaan ini tidak dialami oleh penghuni rumah kampung. Halaman rumah kampung biasanya lapang serta teduh oleh naungan pokok-pokok. Hal ini juga menyebabkan penghuni rumah kampung boleh bercucuk tanam. Pendeknya kalau ringan tulang mereka tidak perlu membeli sayur-mayur di pasar. Penghuni rumah pangsa pula sekadar boleh menanam pokok bunga yang diletakkan di sepanjang beranda. Hadirin yang dihormati sekalian,

Berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan, ternyata bahawa hidup di rumah kampung lebih baik daripada hidup di rumah pangsa. Sekian, terima kasih.

11 Orang yang hidup di rumah kampung lebih bahagia kerana

- A udara di kampung bersih dan tiada pencemaran bunyi
- B rumah mereka terdapat di kampung-kampung
- C mereka tidak menghadapi masalah kesesakan lalu lintas
- D bentuk rumah mereka yang cantik

12 Mengapakah penghuni rumah pangsa berasa tidak selesa?

- A Kerana rumah mereka bertingkat-tingkat.
- B Kerana rumah pangsa terdapat di bandar-bandar.
- C Kerana bilik-biliknya yang sempit.
- D Kerana mereka tidak boleh bercucuk tanam.

13 Berikut ialah masalah-masalah hidup di rumah pangsa **kecuali**

- A susah hendak mengadakan kenduri
- B bilik atau rumah yang sempit
- C keadaan udara yang tercemar
- D kekurangan tanah di bandar

14 Berdasarkan hujah-hujah di atas, kita boleh membuat kesimpulan bahawa


- A** pembahas mengagak sahaja keadaan di rumah pangsa
- B** pembahas arif benar keadaan di kedua-dua jenis rumah itu
- C** pembahas faham tajuk yang dibahaskannya itu
- D** pembahas menetap di kampung

15 Perkataan **dikemukakan** sama maksudnya dengan

- A** diberitahu
- B** diutarakan
- C** diterangkan
- D** diberikan

Soalan 16 hingga Soalan 20

Lihat peta di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.



16 Jalan utama di kawasan yang ditunjukkan dalam peta ialah

- | | |
|---------------------------|----------------------------|
| A Jalan Semarak | C Jalan Pantai Baru |
| B Jalan Pantai Rhu | D Jalan Ansana |

17 Kebanyakan penduduk di tepi pantai itu bekerja sebagai

- | | |
|---|--------------------------------------|
| A penoreh getah dan penanam padi | C bekerja di pusat peranginan |
| B nelayan dan pemetik kelapa | D nelayan dan kerja kilang |

18 Kilang yang terdapat di hujung Jalan Angsana itu mungkin sekali kilang

- | | |
|----------------|------------------|
| A padi | C keropok |
| B getah | D sabun |

19 Tempat yang bertanda X dalam peta itu dinamakan

- | | |
|------------------|----------------|
| A kuala | C pulau |
| B tanjung | D muara |

20 Encik Abu berada di masjid. Di manakah arah kedudukan pusat peranginan dari masjid itu?

- | | |
|------------------|---------------------|
| A Selatan | C Barat Daya |
| B Barat | D Tenggara |

Soalan 21 hingga Soalan 28

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisi di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

21 Luka pada mukanya itu meninggalkan sehingga sekarang.

- | | |
|----------------|----------------|
| A bekas | C kesan |
| B parut | D tanda |

22 Kami sanggup negara ini sekiranya dicerobohi musuh.

- | | |
|------------------|-------------------|
| A menjaga | C memerang |
| B melawan | D membela |

23 Hukuman yang dijatuhkan kepada setiap pesalah itu diharapkan dapat mengajarnya supaya tidak mengulangi yang sama.

- | | | | |
|----------------------------|-----------|----------------------------|-----------|
| <input type="checkbox"/> A | kesalahan | <input type="checkbox"/> C | kezaliman |
| <input type="checkbox"/> B | kejahatan | <input type="checkbox"/> D | kesilapan |

24 Khabarnya Persatuan Belia di kampung itu yang dua tahun lalu akan ditubuhkan semula oleh beberapa orang anak muda.

- | | | | |
|----------------------------|-------------|----------------------------|------------|
| <input type="checkbox"/> A | dihadupkan | <input type="checkbox"/> C | dibubarkan |
| <input type="checkbox"/> B | dibangunkan | <input type="checkbox"/> D | digerakkan |

25 Duakedai di tepi sungai itu telah terbakar akibat se kabel elektrik putus lalu menimpa kedai itu.

- | | | | |
|----------------------------|------------------|----------------------------|------------------|
| <input type="checkbox"/> A | deret.... batang | <input type="checkbox"/> C | buah.... lingkar |
| <input type="checkbox"/> B | baris.... gelung | <input type="checkbox"/> D | deret.... utas |

26 Ayah menghadiah emak se.....kalung berlian serta se..... anting-anting.

- | | | | |
|----------------------------|-------------------|----------------------------|------------------|
| <input type="checkbox"/> A | untai pasang | <input type="checkbox"/> C | butir.... pasang |
| <input type="checkbox"/> B | jambakbiji | <input type="checkbox"/> D | potong.... butir |

27 Ahli kongsi gelap itu telahdengan melaporkan segala kegiatan kumpulannya kepada pihak berkuasa.

- | | | | |
|----------------------------|----------------|----------------------------|---------------|
| <input type="checkbox"/> A | bertegang urat | <input type="checkbox"/> C | bermasam muka |
| <input type="checkbox"/> B | berpaling tada | <input type="checkbox"/> D | campur tangan |

28 Pak Mat hendak ke Makkah pada hujung tahun ini tetapi dia lebih dulu

- | | | | |
|----------------------------|---------------|----------------------------|------------|
| <input type="checkbox"/> A | mati berangan | <input type="checkbox"/> C | mati celik |
| <input type="checkbox"/> B | mati katak | <input type="checkbox"/> D | mati muda |

29 Jangan menuduh secara, siasat dulu siapa yang bersalah dalam soal ini.

- | | | | |
|----------------------------|---------------|----------------------------|--------------|
| <input type="checkbox"/> A | serkap jarang | <input type="checkbox"/> C | lidah biawak |
| <input type="checkbox"/> B | membabi buta | <input type="checkbox"/> D | cakap angin |

Soalan 30 hingga Soalan 31

Pilih perkataan **berlawan** bagi perkataan yang bergaris.

30 Kadang-kadang wajah emaknya yang baru meninggal itu menjelma dalam mimpiinya.

- | | | | |
|----------------------------|--------|----------------------------|-------|
| <input type="checkbox"/> A | timbul | <input type="checkbox"/> C | padam |
| <input type="checkbox"/> B | lenyap | <input type="checkbox"/> D | tiada |

31 Kemarau yang berpanjangan menyebabkan buah padi di sawahnya menjadi hampa.

- | | | | |
|----------------------------|--------|----------------------------|---------|
| <input type="checkbox"/> A | bernas | <input type="checkbox"/> C | kering |
| <input type="checkbox"/> B | layu | <input type="checkbox"/> D | kembang |

Soalan 32 hingga Soalan 33

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk menggantikan perkataan yang berryaris.

32 Sejak tinggal berjauhan, jarang sekali anaknya menjengah dia.

- | | | | |
|----------------------------|------------|----------------------------|------------|
| <input type="checkbox"/> A | melihat | <input type="checkbox"/> C | mendatangi |
| <input type="checkbox"/> B | menziarahi | <input type="checkbox"/> D | menjenguk |

33 Petani ini menghadapi segala kesulitan hidup dengan haf yang **cekal**.

- | | | | |
|----------------------------|-------|----------------------------|-------|
| <input type="checkbox"/> A | sabar | <input type="checkbox"/> C | tabah |
| <input type="checkbox"/> B | kuat | <input type="checkbox"/> D | tahan |

Soalan 34 hingga Soalan 36

Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.

34

- [A] "Leong! Apa yang kamu bualkan itu? Bukankah masa saya mengajar kamu tidak dibenarkan berbual-bual?" kata Cikgu Halim.
- [B] "Leong? Apa yang kamu bualkan itu? Bukankah masa saya mengajar, kamu tidak dibenarkan berbual-bual?" kata Cikgu Halim.
- [C] "Leong, apa yang kamu bualkan itu. Bukankah masa saya mengajar karnu tidak dibenarkan berbual- bual?" kata Cikgu Halim.
- [D] "Leong, apa yang kamu bualkan? Bukankah masa saya mengajar kamu tidak dibenarkan berbual- bual!" kata Cikau Halim.

35

- [A] "Anis! Tolong tutup dapur gas itu. Lepas itu, pastikan pintu, dapur itu berkunci ' kata emak Anis.
- [B] "Anis tolong! Tutup dapur gas itu! Lepas itu pastikan pintu dapur itu berkunci," kata emak Anis.
- [C] "Anis, tolong tutup dapur gas itu! Lepas itu pastikan pintu dapur itu berkunci," kata emak Anis.
- [D] "Anis, tolong tutup dapur gas itu. Lepas itu pastikan pintu dapur itu berkunci," kata emak Anis.

36

- [A] Bosan membaca buku. "Anak Kota Raya", karya Saidi Ali itu. Dia akan melukis sehingga berjam-jam lamanya.
- [B] Bosan membaca buku "Anak Kota Raya" karya Saidi Ali itu, dia akan melukis sehingga berjam-jam lamanya.
- [C] Bosan! Membaca buku "Anak Kota Raya", karya Saidi Ali itu, dia akan melukis sehingga berjam-jam lamanya.
- [D] Bosan membaca buku Anak Kota Raya, karya Saidi Ali. Itu dia akan melukis sehingga berjam-jam lamanya.

Soalan 37 hingga Soalan 41

Pilih ayat yang **sama maksud dengan** ayat yang Bergaris.

37 "Silalah masuk. Tolak sahaja pintu bilik itu." kata pegawai itu sambil memandang ke arah pintu yang separuh terbuka itu.

- [A] Pegawai itu menyuruh tetamunya masuk sahaja melalui pintu bilik yang separuh terbuka dan menolak bilik itu.
- [B] Tetamu itu dipersilakan masuk oleh pegawai itu ke dalam bilik dengan dia menolak pintu yang separuh terbuka.
- [C] Pegawai itu memandang ke arah pintu bilik yang separuh terbuka lalu mempersilakan tetamunya masuk serta menyuruhnya menolak pintu bilik itu.
- [D] Pegawai itu memandang ke arah pintu bilik yang separuh terbuka lalu menyuruh tetamunya masuk serta menyuruhnya menolak pintu bilik itu.

38 Dalam kejadian huian ribut itu, dua buah rumah dan sebuah kereta telah dihempap oleh sebatang pokok angnsana rendang yang tumbang.

- [A] Pokok angnsana yang tumbang itu rendang lalu menimpa dua buah rumah dan sebuah kereta dalam kejadian hujan ribut itu.
- [B] Dua buah rumah dan sebuah kereta telah dihempap oleh sebatang pokok angnsana rendang yang tumbang Wam peristiwa hujan ribut itu.
- [C] Telah terhempap dua buah rumah dan sebuah kereta dalam kejadian tumbangnya pokok angnsana yang rendang itu kerana hujan ribut.
- [D] Sebatang pokok angnsana yang rendang telah tumbang lalu menimpa dua buah kereta dan sebuah rumah dalam kejadian hujan ribut.

39 "Banyak benar Pengetahuan dan pengalaman baru yang saya peroleh semasa perkhemahan selama dua hari di sini:' kata Jaharah kepada Mariam.

- A** Perkhemahan selama dua hari di situ memberi banyak pengetahuan dan pengalaman baru kepada kita, kata Jaharah kepada Mariam
- B** Jaharah memberitahu Mariam bahawa baru banyak pengetahuan dan pengalamannya setelah mengikuti perkhemahan selama dua hari di situ.
- C** Jaharah menerangkan kepada Mariam bahawa dia baru mendapat banyak pengetahuan serta pengalaman selama berkhemah dua hari di situ.
- D** Jaharah menerangkan kepada Mariam bahawa dia mendapat banyak pengetahuan serta pengalaman baru selama perkhemah dua hari di situ.

40 Para peminat bola sepak siang-siang lagi telah membanjiri stadium untuk menyaksikan perlawanan akhir bolasepak Piala Malaysia.

- A** Bola sepak siang-siang lagi mempunyai para peminat yang membanjiri stadium untuk menyaksikan perlawanan akhir Piala Malaysia.
- B** Siang-siang lagi perlawanan akhir bola sepak Piala Malaysia itu diadakan di stadium yang penuh sesak dengan para peminat itu.
- C** Awal-awal lagi para peminat bola sepak telah membanjiri stadium untuk menonton perlawanan akhir bola sepak Piala Malaysia.
- D** Awal-awal lagi para peminat bola sepak telah memasuki stadium untuk menyaksikan pertunjukan akhir bola sepak Piala Malaysia itu.

Soalan 41 hingga Soalan 43

Pilih soalan yang **paling sesuai untuk** ayat yang bergaris.

41 Di kalangan pelancong, mereka tertarik untuk datang ke negara kita kerana pantainya yang indah dan belum tercemar.

- A** Mengapakah negara kita terkenal di kalangan pelancong?
- B** Bagaimanakah keadaan pantai di negara kita?
- C** Sejak bilakah pelancong datang ke negara kita?
- D** Apakah yang menarik pelancong datang ke negara kita?

42 Kampung itu dinamai Batu Gajah kerana terdapat seketul batu besar yang terbentuk seperti seekor gajah.

- A** Bagaimanakah bentuk batu besar itu?
- B** Mengapakah kampung itu diberi nama Batu Gajah?
- C** Mengapakah tempat itu bernama Batu Gajah?
- D** Bagaimanakah kampung itu mendapat namanya?

43 Emak sedang menyiang ikan, sementara kakak sedang menumis.

- A** Apakah yang sedang dilakukan oleh emak dan kakak?
- B** Apakah yang sedang dilakukan oleh mereka?
- C** Emak dan kakak di dapur itu sedang buat apa ?
- D** Yang menyiang ikan dan menumis itu siapa?

Soalan 44 hingga Soalan 46

Pilih ayat yang betul.

44 I Ramai para pelajar yang menyertai perkhemahan itu.
II Bersama surat ini dikepilkhan sekeping gambar.
III Sukan itu diadakan dari pagi hingga ke petang.
IV Surat tuan kami telah kirimkan seminggu yang lalu.

- A** I dan II sahaja
- B** III dan III sahaja
- C** III dan IV sahaja
- D** I, III, dan IV sahaja

45 I Simen ini diimport daripada negeri China
II Sungguh unik bentuk jam ini.
III Di waktu lapang, kami memancing ikan di sungai.
IV Pemisah di antara dua bandar itu ialah sebatang sungai.

- A** I dan III sahaja **C** I, III dan IV sahaja
B III dan IV sahaja **D** III, III dan IV sahaja

46 I Cadangannya telah ditolak mentah-mentah dalam mesyuarat itu.

- II Emak menanam bunga di perkarangan rumah.
III Hanya Ali yang belum menjelaskan yuran sekolah.
IV Maju Restoran itu dibuka dua puluh empat jam.

- A** I dan III sahaja **C** II dan IV sahaja
B I dan IV sahaja **D** I, II dan IV sahaja

Soalan 47 hingga Soalan 50

Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

47 I Daun tingkap itu dibuat daripada kayu jati.

- II Daun buku itu ada dua puluh helai sahaja.
III Habis dimakan ulat daun pokok itu.
IV Daun telinga tikus nipis lagi kecil.

- A** I, II sahaja **C** I, III dan IV sahaja
B I dan III sahaja **D** II, III dan IV sahaja

48 I Masakan ini hambar rasanya kerana tidak dibubuh garam.

- II Dia dimarahi guru kerana bersikap hambar terhadap pelajaran.
III Susah benar hendak mengajar budak yang hambar otaknya itu.
IV Hambar hati saya apabila gagal dalam temu duga itu.

- A** I dan II sahaja **C** I, II dan IV sahaja
B II dan III sahaja **D** I, III dan IV sahaja

49 I Lori balak itu merangkak-rangkak ketika melalui jalan berbukit-bukit itu.

- II Adik merangkak-rangkak apabila membaca buku cerita itu.
III Pengemis cacat itu merangkak-rangkak di tepi jalan itu.
IV Bola itu merangkak-ranakak lalu masuk ke pinto gol.

- A** I dan III sahaja **C** I, III dan IV sahaja
B II dan IV sahaja **D** II, III dan IV sahaja

50 I Pintu rumah itu tertutup rapi.

- II Buku-buku itu tersusun rapi di dalam almari.
III Istana itu dikawal rapi oleh pihak polis.
IV Ucapan rapi itu menaikkan semangat kami.

- A** I dan II sahaja **C** I, II dan III sahaja
B I, II dan III sahaja **D** II, III dan IV sahaja

- 2. B
- 3. B
- 4. D
- 5. B
- 6. B
- 7. B
- 8. D
- 9. B
- 10. C
- 11. A
- 12. C
- 13. D
- 14. B
- 15. B
- 16. B
- 17. B
- 18. A
- 19. B
- 20. C
- 21. B
- 22. D
- 23. A
- 24. C
- 25. D
- 26. A
- 27. B
- 28. C
- 29. B
- 30. B
- 31. A
- 32. B
- 33. C
- 34. A
- 35. D
- 36. B
- 37. C
- 38. B
- 39. D
- 40. C
- 41. D
- 42. B
- 43. A
- 44. B
- 45. B
- 46. A
- 47. B
- 48. C
- 49. C
- 50. B